

Keselamatan penting bagi

BH 22 DEC 1997

JITRA: Aspek keselamatan amat penting bagi memastikan pembangunan mampu dilaksanakan bukan setakat di negara ini, malah kawasan serantau, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tanpa keselamatan yang terjamin, tidak mungkin pembangunan atau apa juga aspek kehidupan manusia, mampu dilaksanakan kerana ia adalah kunci bagi kelangsungan kehidupan.

"Keselamatan sentiasa penting, sama ada untuk kawasan serantau atau kampung atau seumpamanya.

"Kita memerlukan keselamatan

(yang terjamin)... jika tidak, kita tidak boleh berbuat apa-apa," katanya kepada media selepas majlis Rumah Terbuka sempena Aidilfitri dan perasmian Dewan Wawasan, di dewan berkenaan, di sini semalam.

Majlis itu dihadiri kira-kira 5,000 anggota masyarakat pelbagai kaum. Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Dr Mahathir berkata demikian ke-

tika diminta mengulas ucapannya pada majlis itu yang menekankan, rakyat perlu memastikan negara sentiasa dalam keadaan aman melalui kerjasama dan toleransi sesama rakyat pelbagai agama dan bangsa.

Terdahulu, ketika berucap, Dr Mahathir berkata, negara tidak akan maju tanpa keamanan berikutan ketiadaan pembangunan, sekali gus menyebabkan perniagaan terjejas.

"Kalau negara tidak aman, kerajaan susah dapat wang. Perniagaan tidak dapat dijalankan dan kerajaan tidak dapat mengutip cukai.

pembangunan serantau: PM

"Duit akan ada hanya jika negara aman. Satu daripada amalan hidup kita ialah kita turut merayakan perayaan mengikut agama yang berlainan. Kita turut menghadiri rumah terbuka.

"Dengan ini, kita dapat memberikan sumbangan kepada keamanan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Dewan Wawasan itu dibina bukan untuk membazir wang kerajaan, sebaliknya untuk kegunaan generasi akan datang, sejajar peningkatan keperluannya pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan anggota masyarakat di Kubang Pasu khususnya supaya tidak terpengaruh dengan dakyah sesetengah pihak, kononnya dewan berkenaan membazir wang kerajaan.

Dewan Wawasan yang mempunyai jarak ketinggian lantai hingga bumbung setinggi 10 meter dan seluas 56.4 meter persegi itu mula dibina Kumpulan Lejardi sejak Jun lalu, bagi menggantikan fungsi Dewan Jitra.

Dewan bernilai RM40 juta itu memuatkan sembilan gelanggang badminton, bilik rehat eksekutif, dewan

persidangan, pusat media, perpustakaan dan 36 komputer.

Dewan yang dibina dalam Kompleks Pejabat Daerah Kubang Pasu itu mampu memuatkan 7,000 orang.

Sementara itu, Dr Mahathir yang mungkin hadir buat kali terakhir sebagai Ahli Parlimen Kubang Pasu, sekali lagi meminta masyarakat di situ terus memberikan sokongan kepada mana-mana calon Barisan Nasional (BN) yang dinamakan nanti.

"Tolong teruskan sokongan anda supaya lebih banyak nikmat dapat diperolehi," katanya.